



KKD terima 63,000 rayuan dapatkan PerantiSiswa

Oleh Omar Ahmad - Januari 15, 2023 @ 1:27pm
bhnews@bh.com.my

KULAI: Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menerima 63,000 rayuan untuk mendapatkan peranti menerusi Program PerantiSiswa selepas tarikh permohonannya ditutup pada 31 Disember tahun lalu.

Timbalan Menterinya, Teo Nie Ching, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 25,000 rayuan sudah diluluskan sehingga kini, manakala baki 38,000 rayuan lagi sedang diteliti institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing.

"Mereka yang akan mengesahkan sama ada pemohon yang merayu itu datang daripada keluarga B40 atau sebaliknya.

"KKD sebagai badan peneraju akan buat pengagihan, sama ada permohonan diluluskan atau tidak, kita perlu tunggu pengesahan daripada IPT dulu.

"Secara keseluruhannya sebanyak 301,737 unit tablet iaitu 83 peratus daripada 362,016 permohonan diluluskan, sudah diedarkan sehingga kini.

"Bagi Johor pula, sejumlah 29,461 permohonan diluluskan dan daripada jumlah itu 23,435 unit sudah diedarkan kepada mahasiswa yang layak," katanya selepas Majlis Penyerahan PerantiSiswa kepada pelajar Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Abdullah Rahman Putra, di sini, hari ini.

Nie Ching berkata, setakat November lalu, pihaknya menerima 13 kes laporan penjualan semula peranti itu.

"Peranti diberikan kepada mereka yang layak terutama golongan B40, jadi jika mereka sudah ada tablet, tidak perlulah memohon dan kemudian menjualnya.

"Program pemberian PerantiSiswa ini bagi membantu mereka yang tidak mampu," katanya.

Nie Ching berkata, keputusan sama ada program ini diteruskan atau tidak pada masa depan bergantung kepada pengumuman dibuat Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Bajet 2023 di Parlimen bulan depan.